

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR
BILANGAN 5/1974**

=====

**URUSAN PENGAMBILAN TANAH UNTUK
PROJEK-PROJEK KERAJAAN**

Tujuan Surat Pekeliling ini ialah untuk menarik perhatian Pemungut-Pemungut kepada perkara "Procedure for acquiring alienated land for Federal Purposes" yang terkandung di dalam Surat Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Bil 2/1970.

2. Kerajaan Negeri telah memutuskan bahawa dalam perkara pengambilan balik tanah milik untuk kegunaan Negeri ulasan daripada Pengarah, Perancang Bandar dan Kampung Negeri Selangor dan Pengarah, Penyelaras Unit Ekonomi Negeri adalah dikehendaki terlebih dahulu sebelum permohonan tersebut dimajukan untuk pertimbangan. Tujuannya ialah supaya kedua-dua Jabatan yang tersebut dapat meneliti dan memberi maklumat seperti berikut:-

- (a) Untuk menentukan bahawa tanah yang dicadangkan itu sesuai bagi melaksanakan projek yang dimaksudkan daripada segi letaknya, luas yang diperlukan serta keadaannya untuk pembangunan;
- (b) Daripada segi penyelaras pula Unit Perancang di Jabatan Perancang akan dapat menimbang cadangan-cadangan itu berdasarkan kepada strategi-strategi perancang/ pembangunan serta juga kehendak-kehendak masyarakat tempatan; dan
- (c) Untuk melicin dan mempercepatkan tindakan pengambilan tanah itu serta urusan bagi melaksanakan projek-projek yang berkenaan sekiranya pejabat itu perlu menyediakan pelan-pelan perancangan yang dikehendaki.

3. Hanya urusan pengambilan tanah bagi projek-projek seperti berikut sahaja yang perlu dimajukan kepada Unit Perancang Bandar dan Kampung:-

- (a) Satu-satu kawasan yang besar terutama sekali diluar Penguasa Tempatan; dan
- (b) Projek-projek yang besar seperti projek Hospital, Balai Polis dan projek ekonomi yang akan menukar corak penggunaan tanah di kawasan itu dan mempunyai implikasi sosial dan lain-lainnya bagi satu-satu kawasan.

4. Peraturan ini hendaklah juga diikuti bagi permohonan pengambilan tanah daripada Kerajaan Persekutuan.

5. Pemungut-Pemungut Hasil Tanah adalah diminta mengambil ingatan mengenai peraturan di perenggan 2 dan 3 di atas.

T.T

(HAJI SULAIMAN BIN MOHD DON)

PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR